

Pemaju lepas tangan, penduduk berang

SH 30/6/08 S9

Penduduk sudah bersabar selama tiga tahun di bawah pengurusan pemaju dan badan pengurusan pangsapuri ini yang mana pihak berkenaan tidak memberikan kerjasama dalam pelbagai perkara termasuklah migrasi meter air, dari pukal ke meter air individu.

pengurusan pangsapuri ini yang mana pihak berkenaan tidak memberikan kerjasama dalam pelbagai perkara termasuklah migrasi meter air, dari pukal ke meter air individu.

"Mereka enggan melayan kehendak penduduk dan memaklumkan kepada penduduk bahawa pihak Syabas tidak memberikan sebarang maklumat kepada mereka, ini menimbulkan kemarahan penduduk kerana kami bakal mendapat faedah setelah Kerajaan Selangor memberikan 20 meter padu air percuma bermula bulan ini," katanya.

Tambahnya, lebih menimbulkan kemarahan penduduk apabila tindakan keterlaluhan mereka (pihak pengurusan) menyuruh penduduk membayar kadar caj penyelenggaraan yang tinggi iaitu pada kadar 10 sen tanpa sebab dan menerima kualiti penyelenggaraan yang berkualiti rendah.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan Sesi Dialog Penduduk Pangsapuri Suria Avenue bersama pemaju, pihak pengurusan, dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang merupakan wakil Pesuruhjaya Bangunan serta Pegawai Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik, Hussein Ahmad, dekat sini, malam semalam.

Menurutnya, tindakan



Wakil Pesuruhjaya Bangunan menerangkan kepada penduduk mengenai penubuhan JMB dan secara tidak langsung mereka menjadi 'orang tengah' dalam menyelesaikan ketegangan di antara penduduk dan pemaju.

pemaju yang menaikkan kadar caj penyelenggaraan daripada 10 sen kepada 13 sen sesuka hati baru-baru ini merupakan satu tindakan 'menganiyai penduduk' kerana dalam situasi keadaan ekonomi negara sekarang, penduduk perlu membayar yuran penyelenggaraan dan 'sinking fund' antara RM100 hingga RM130 berbanding pangsapuri lain yang jauh lebih rendah iaitu sekitar RM60 sahaja.

"Setiap kali penduduk menyuarakan rasa tidak puas hati dan mengajak mereka untuk berbincang mengenai masalah kami, mereka enggan memberikan kerjasama dan membiarkan kami terus tidak terbelah.

"Tindakan mereka yang lambat menyerahkan Akaun Pengurusan Bersama (APB)

yang sepatutnya diserahkan kepada pihak Pesuruhjaya Bangunan juga gagal dibuat dan penduduk melihat perkara tersebut sebagai tidak telus dan sehingga kini mereka gagal menjelaskan kenapa berlakunya kenaikan caj penyelenggaraan. Diharapkan penyertaan kami bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB) akan memberikan pelbagai kebaikan dan membela nasib penduduk di sini," tegasnya.

Jelasnya, penyertaan mereka bersama JMB akan memberikan faedah kepada penduduk dan dapat menyelesaikan masalah berbangkit di pangsapuri berkenaan berhubung isu pendatang asing dan kerja-kerja penyelenggaraan lain kerana ia melibatkan lima hingga 12 penduduk untuk bekerjasama dengan pemaju yang akan

dipantau oleh Pesuruhjaya Bangunan.

Sementara itu, Hussein Ahmad berkata, pemaju dan badan pengurusan Pangsapuri Suria Avenue diberikan tempoh selama seminggu untuk menyerahkan APB kepada Pesuruhjaya Bangunan dan sekiranya pihak tersebut gagal berbuat demikian, tindakan sewajarnya akan diambil.

"Sekiranya mereka gagal berbuat demikian, perkara ini akan dibawa ke pihak atasan dan saya berharap penduduk dapat bersabar untuk berada di bawah pengurusan JMB yang akan diambil alih pada bila-bila masa selepas masalah selesai," katanya.

Dalam pada itu, wakil Pesuruhjaya Bangunan berkata, Kerajaan Persekutuan meluluskan Akta 663 atau Akta Bangunan Bersama yang

menjelaskan bahawa setiap pangsapuri yang berdaftar akan diuruskan oleh penduduk sendiri serta wakil pemaju yang dipantau oleh Pesuruhjaya Bangunan yang merupakan Datuk Bandar MBSA, Mazalan Md Noor.

"Ia diperkenalkan untuk membantu penduduk yang tidak mendapat hak sepatutnya daripada pemaju perumahan dan badan pengurusan bangunan yang menyebabkan nasib penduduk tidak terbelah," katanya.

Tambahnya, MBSA mengharapkan penyertaan Pangsapuri Suria Avenue dalam JMB akan menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Aktifkan Komuniti Anda!

■ NORSHAHZURA MAT ZUKI

SEKSYEN 16 - Penduduk Pangsapuri Suria Avenue dekat sini, berang dan tidak berpuas hati dengan tindakan pemaju yang didakwa lepas tangan dalam kerja-kerja penyelenggaraan dan pengurusan bangunan perumahan mereka sejak tiga tahun lalu yang mengabaikan hak mereka.

Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Suria Avenue, Azman Abd Latiff berkata, tindakan pemaju dan badan pengurusan yang dilantik seolah-olah 'lepas tangan' dalam menyelenggarakan bangunan, menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk dan menyebabkan penduduk mahukan pembelaan yang sewajarnya.

"Penduduk sudah bersabar selama tiga tahun di bawah pengurusan pemaju dan badan